

Soalan Lazim bagi Pergerakan Pelajar Semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0)

A. PERGERAKAN PELAJAR

1. Soalan: **Adakah pelajar dibenarkan keluar kampus semasa tempoh PKP 3.0?**
Jawapan: Semua pelajar dalam kampus di UTM **TIDAK DIBENARKAN** keluar daripada kawasan kampus sepanjang tempoh PKP3.0 iaitu dari 4 hingga 14 Jun 2021 kecuali bagi urusan penting dan kecemasan seperti kemalangan, kematian dan temujanji dengan doctor untuk mendapatkan rawatan susulan.
2. Soalan: **Adakah pelajar dibenarkan pulang ke rumah atau kampung semasa tempoh PKP 3.0?**
Jawapan: **TIDAK DIBENARKAN**. Seperti mana arahan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), semua pelajar perlu kekal berada dalam kampus.

Pertimbangan khas hanya diberikan oleh Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) bagi kes-kes kecemasan sahaja seperti keluarga sakit atau kematian ahli keluarga.
3. Soalan: **Bolehkah pelajar yang telah berada dalam kampus pulang ke kediaman atau kampung yang berada dalam radius 10 km?**
Jawapan: **TIDAK DIBENARKAN**. Semua pelajar perlu kekal berada dalam kampus.
4. Soalan: **Adakah ketua keluarga yang menginap dalam kampus dibenarkan keluar untuk membeli barang keperluan harian? Bilakah tempoh ketua keluarga dibenarkan untuk keluar daripada kampus?**
Jawapan: Kebenaran keluar keluar kampus adalah selepas 14 Jun 2021 dan tertakluk kepada arahan semasa.
5. Soalan: **Adakah keluarga pelajar yang menginap dalam kampus dibenarkan keluar bekerja?**
Jawapan: **TIDAK DIBENARKAN**.
6. Soalan: **Adakah pelajar yang sedang berada di rumah/ kampung dibenarkan kembali ke kampus semasa tempoh PKP 3.0?**
Jawapan: **TIDAK DIBENARKAN**. Semua pelajar dalam kategori berkeperluan diminta kekal di lokaliti masing-masing.
7. Soalan: **Adakah kafeteria/ arked dalam kampus dibuka sepanjang tempoh PKP3.0?**
Jawapan: **YA**. Kafeteria/ arked akan beroperasi dari **jam 8:00 pagi hingga 8:00 malam** mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Universiti. **Makan di kafeteria (Dine in) adalah TIDAK DIBENARKAN** dan pelajar hanya boleh membuat **pesanan secara bawa pulang (Take away)**.
8. Soalan: **Adakah One-Stop Parcel Centre (OPC) dibuka sepanjang tempoh PKP3.0?**
Jawapan: **YA**. One-Stop Parcel Centre (OPC) akan beroperasi seperti biasa mengikut garis panduan yang ditetapkan.

9. Soalan: **Adakah pelajar wajib menggunakan aplikasi MySejahtera sepanjang berada di kampus?**
Jawapan: **YA.** Semua pelajar perlu menggunakan aplikasi MySejahtera semasa berada dalam kampus untuk tujuan 'contact tracing' pihak KKM.

Selain itu, pelajar juga perlu mendaftar masuk (check in) setiap kali mengunjungi tempat atau lokasi yang dituju sepanjang berada dalam kampus UTM.
10. Soalan: **Adakah pembekal perkhidmatan seperti pembekal Air Osmosis Balik (RO Water), Dobi Layan Diri dan air gedegang (vending machine) dibenarkan masuk untuk mengisi stok (restock) atau membuat penyelenggaraan?**
Jawapan: **YA.** Semua pembekal perkhidmatan dibenarkan masuk dan beroperasi seperti biasa mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Universiti.
11. Soalan: **Adakah perkhidmatan penghantaran makanan (food delivery) atau penghantar barang keperluan (market delivery) dibenarkan masuk ke kampus?**
Jawapan: **YA.** Waktu penghantaran adalah dari jam 8:00 pagi hingga 8:00 malam.
12. Soalan: **Adakah bantuan makanan akan disediakan oleh pihak Universiti kepada pelajar dalam kampus semasa tempoh PKP 3.0?**
Jawapan: **TIDAK.** Tiada lagi bantuan makanan diberikan memandangkan semua kafeteria, arked dan perkhidmatan penghantaran makanan (food delivery) akan beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKP 3.0.

Hanya pelajar yang sedang menjalani kuarantin di Blok S46 dan S47 sahaja akan diberi bantuan makanan sepanjang tempoh kuarantin.
13. Soalan: **Bolehkah ibu bapa/ penjaga saya menghantar bekalan makanan atau barang keperluan ke kolej?**
Jawapan: **TIDAK DIBENARKAN.** Ibu bapa/ penjaga boleh menghantar bekalan makanan atau barang keperluan pelajar menggunakan khidmat penghantaran makanan (food delivery) atau perkhidmatan kurier (courier service).
14. Soalan: **Adakah pelajar dibenarkan menjalankan aktiviti perbincangan kumpulan (group discussion) di kawasan kolej?**
Jawapan: **TIDAK DIBENARKAN.** Perbincangan kumpulan (group discussion) hanya dibenarkan dalam talian sahaja.
15. Soalan: **Adakah saya dibenarkan ke bilik/ kolej lain untuk berjumpa rakan sepanjang tempoh PKP 3.0?**
Jawapan: Pergerakan dalam kampus adalah **DIBENARKAN**. Walau bagaimanapun, **semua aktiviti berkumpulan adalah TIDAK DIBENARKAN**. Pelajar dinasihatkan untuk mematuhi SOP DAN peraturan yang ditetapkan.

Tindakan akan diambil sekiranya mendapati pelajar melanggar peraturan yang telah ditetapkan.
16. Soalan: **Adakah pelajar dibenarkan mendapatkan rawatan di hospital atau klinik kerajaan luar/ klinik swasta?**
Jawapan: Pelajar perlu membuat permohonan melalui Pusat Kesihatan UTM (PKU) bagi mendapatkan sokongan pegawai perubatan PKU sebelum dibenarkan mendapatkan rawatan di luar.

17. Soalan: **Adakah pelajar yang mempunyai temujanji vaksin dibenarkan keluar kampus?**
Jawapan: **YA.** Pelajar perlu mengemukakan bukti notifikasi yang diterima daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mengandungi maklumat tarikh temujanji suntikan vaksin.
18. Soalan: **Adakah aktiviti sukan dan rekreasi di dalam kampus dibenarkan?**
Jawapan: **DIBENARKAN** seperti mana SOP yang ditetapkan oleh MKN. Aktiviti sukan dan rekreasi **hanya terhad kepada aktiviti secara individu dan di kawasan terbuka sahaja. Semua aktiviti sukan dan rekreasi secara berkumpulan adalah TIDAK DIBENARKAN.**
19. Soalan: **Bolehkah pelajar membuat permohonan secara harian masuk ke kampus?**
Jawapan: **TIDAK DIBENARKAN.**
20. Soalan: **Adakah pelajar dibenarkan keluar untuk mengisi minyak kenderaan bagi tujuan pergerakan dalam kampus?**
Jawapan: **TIDAK DIBENARKAN.** Pihak UTM Fleet akan menyediakan perkhidmatan pengisian minyak kenderaan.

Urusan pengisian minyak kenderaan akan diadakan di bengkel UTM Fleet mengikut jadual yang ditetapkan.
21. Soalan: **Siapakah yang boleh dihubungi jika saya ada pertanyaan lanjut mengenai kemasukan dan pergerakan keluar kampus?**
Jawapan: Pelajar boleh menghubungi:-

Talian Hotline HEP:
+6 011-186 87022 (kampus UTM JB)
+6 017-242 4122/ +6 013-393 1117 (kampus UTM KL)

Emel Helpdesk JTNCHEP:
helpdesk.hep@utm.my atau tphep@utm.my;

B. PELAJAR YANG SEDANG MENJALANI TEMPOH KUARANTIN

22. Soalan: ***Adakah bantuan makanan akan disediakan kepada pelajar yang sedang menjalani tempoh kuarantin di Blok S46 dan S47?***
Jawapan: ***YA. Bantuan makanan akan disediakan kepada pelajar sehingga tamat menjalani tempoh kuarantin.***
23. Soalan: ***Bolehkah rakan di kolej menghantar bekalan makanan atau barang keperluan saya ke Pusat Kuarantin UTM di Blok S46 dan S47?***
Jawapan: ***TIDAK DIBENARKAN. Ini bagi mengelak risiko kebolehjangkitan daripada pelajar yang sedang menjalani tempoh kuarantin.***
24. Soalan: ***Apa tindakan seterusnya selepas pelajar selesai menjalani tempoh kuarantin?***
Jawapan: ***Pelajar akan diberikan surat pelepasan dan dibenarkan pulang ke kolej masing-masing.***
25. Soalan: ***Bolehkah rakan saya membantu saya memunggah barangan saya dari Pusat Kuarantin ke Kolej Kediaman selepas tamat tempoh kuarantin jika saya tidak mempunyai kenderaan?***
Jawapan: ***TIDAK DIBENARKAN. Pihak UTM Fleet akan menguruskan pengangkutan untuk pelajar pulang ke kolej kediaman masing-masing.***

Tarikh Kemaskini:
3 Jun 2021 | 11:08 pagi

Task Force Pengerakan Pelajar
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)